

LAMPIRAN I
(Kepada Terma dan Syarat Perkhidmatan Pedagang)
Terpakai untuk CIMB Deals

1. Pedagang hendaklah memberikan potongan sebanyak RM5 dengan perbelanjaan minimum RM25 **atau** diskaun sebanyak 10% tertakluk kepada had maksimum RM30 bagi setiap transaksi kepada pelanggan yang berbelanja sekurang-kurangnya RM25 (tidak termasuk pembelian cerut, tembakau dan minuman beralkohol serta cukai jualan dan perkhidmatan atau apa-apa cukai lain yang seumpamanya) (“*Deals*”), dengan syarat pembayaran dibuat secara khusus menggunakan kad debit, kad kredit atau kad prabayar yang dikeluarkan oleh CIMB Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad atau mana-mana entiti dalam Kumpulan CIMB di Asia Tenggara dan/atau melalui DuitNow QR di Aplikasi CIMB (secara kolektif dirujuk sebagai “**pelanggan CIMB**”). Pedagang tidak dibenarkan membenarkan pemisahan bil oleh pelanggan CIMB tersebut.
2. *Deals* ini tidak boleh ditukar kepada wang tunai sama ada sebahagian atau sepenuhnya oleh pelanggan CIMB dan tidak boleh digunakan bersama dengan sebarang diskaun, baucar, promosi atau kad keistimewaan lain yang sedang ditawarkan oleh Pedagang.
3. Pedagang hendaklah bertanggungjawab untuk mengemukakan terma dan syarat serta visual yang berkaitan dengan *Deals* untuk dipaparkan di deals.cimb.com kepada Bank dari semasa ke semasa dan dalam tempoh yang munasabah. Bank berhak untuk meminda atau menolak mana-mana visual dan/atau terma dan syarat Pedagang bagi tujuan paparan tersebut, dengan memberikan notis kepada Pedagang.
4. Sebarang pertikaian yang timbul daripada *Deals* dan dikemukakan oleh pelanggan CIMB hendaklah diselesaikan secara langsung oleh Pedagang dengan pelanggan CIMB tersebut.
5. Pedagang bersetuju dan memberikan kuasa kepada Bank untuk menetapkan terma dan syaratnya sendiri terhadap pelanggan CIMB berhubung dengan *Deals* yang turut akan dipaparkan di laman web deals.cimb.com.
6. *Deals* ini hendaklah diberikan oleh Pedagang bagi tempoh tiga (3) tahun dan akan diperbaharui secara automatik bermula dari tarikh Pedagang memilih atau bersetuju untuk menyertai *Deals*, kecuali jika sama ada Pedagang atau Bank memberikan notis bertulis selama tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada pihak satu lagi berkenaan hasrat untuk menamatkan *Deals* tersebut atau jika Saluran Pembayaran dengan Bank telah ditamatkan.
7. Pedagang meluluskan dan memberikan keizinan kepada Bank untuk menggunakan logo, nama dan/atau lambang Pedagang, serta logo, nama dan/atau lambang yang dibekalkan oleh Pedagang kepada Bank, bagi tujuan bahan pemasaran dan/atau promosi yang berkaitan dengan *Deals*.
8. **Harta Intelek**
 - i. Bank dan Pedagang mengakui serta bersetuju bahawa segala pemilikan sah dan benefisial ke atas Harta Intelek (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 8(ii)) dalam maklumat, perisian, dokumen, data dan bahan-bahan lain yang dibekalkan oleh mana-mana pihak merupakan hak milik pihak tersebut, dan hendaklah digunakan hanya untuk aktiviti yang berkaitan di bawah terma dan syarat ini. Tiada mana-mana pihak yang akan memperoleh apa-apa hak

- milik terhadap Harta Intelek atau apa-apa harta intelek lain milik pihak yang satu lagi di bawah terma dan syarat ini.
- ii. “Harta Intelek” bermaksud mana-mana paten, cap dagangan, hak dalam reka bentuk, penampilan dagangan (*get-up*), nama dagangan, nama perniagaan atau nama domain, hak cipta termasuk hak dalam perisian komputer dan pangkalan data (termasuk hak pangkalan data) serta hak topografi, sama ada didaftarkan atau tidak dan, jika hak tersebut boleh didaftarkan, termasuk sebarang permohonan untuk pendaftaran atau hak untuk memohon pendaftaran mana-mana hak tersebut; dan jika berkenaan, termasuk apa-apa *goodwill* (reputasi dan kepercayaan pengguna terhadap perniagaan) yang terkandung di dalamnya, hak terhadap ciptaan, *know-how* (pengetahuan), rahsia dagangan dan maklumat sulit lain, atau apa-apa hak harta intelek lain yang mungkin wujud pada bila-bila masa dan di mana-mana jua di dunia.

• Halaman selebihnya dibiarkan kosong dengan sengaja •